

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar terbaru pengidap Diabetes Jenis Kedua (*Type 2 Diabetes*) mengikut kaum di Malaysia. Apakah Kementerian menganggap rawatan Diabetes Jenis Kedua di Malaysia ini berjaya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), beban penyakit diabetes di Malaysia adalah semakin meningkat. Berdasarkan NHMS yang terkini pada tahun 2019, sebanyak 18.3% atau 3.9 juta rakyat Malaysia menghidap penyakit kencing manis atau diabetes. NHMS 2019 juga menganggarkan hanya separuh daripada pesakit diabetes mengetahui tentang status penyakit mereka. Daripada segi pecahan mengikut kaum pula, sebanyak 31.4% pesakit adalah berbangsa India, 21.6% pesakit adalah berbangsa Melayu, 15.1% adalah berbangsa Cina, 12.3% adalah berbangsa Bumiputera Sarawak, 11.2% adalah berbangsa Bumiputera Sabah dan lain-lain kaum sebanyak 8.8%.

2. Walaupun beban penyakit diabetes semakin meningkat, Kementerian Kesihatan komited untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pesakit diabetes di Malaysia. Berdasarkan *National Diabetes Registry* yang memantau pesakit diabetes yang mendapatkan rawatan di klinik kesihatan kerajaan, peratus pencapaian tahap kawalan gula yang optimum iaitu  $HbA1c \leq 7.0\%$  semakin meningkat yang mana pencapaian pada tahun 2018 adalah 40.0% telah meningkat kepada 41.3% pada tahun 2019 dan seterusnya 43.7% pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.